

PELITA



BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 5

RABU 3 MACH, 1965

دواء 29 دی 1384

PERCHUMA

Ketua Turus Pertahanan British Earl Mountbatten Dan Anak Perempuan-nya Mengadap D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN DAN D.Y.M.M. RAJA ISTERI

Di-Istana Darul Hana

BANDAR BRUNEI. — Ketua Turus Pertahanan British Earl Mountbatten dan anak perempuan-nya Lady Brabourne telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri di-Istana Darul Hana semasa mereka melawat ka-Negeri Brunei baru-baru ini.

Earl Mountbatten dan anak perempuan-nya telah tiba di-Brunei sa-lepas melawat Sabah pada 17 Februari yang lalu dan berpisah dari Brunei pada ka-esokan hari.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, ketika mengalaukan lawatan Earl Mountbatten ke-negeri ini, di-majlis Jamuan Negara pada malam 17 Feb. bertitah bahawa jawatan yang disandang oleh Earl Mountbatten ada-lah sangat di-ketahui oleh masyarakat, khas-nya peranan yang penting yang beliau telah menjalankan di-Tenggara Asia pada masa Perang Dunia yang kedua dahulu.

Baginda bertitah bahawa Baginda yakin Earl Mountbatten merasa puas hati terhadap perkembangan2 dan kemajuan2 yang di-chapai oleh negara2 yang Earl Mountbatten tulung membebaskan dari penaklukan kuasa2 asing.

Duli Yang Maha Mulia juga telah menyatakan penghargaan Baginda dan ra'ayat Brunei terhadap lawatan Earl Mountbatten dan Baginda berharap Earl Mountbatten akan mendapat peluang untuk meninjau ka-negeri ini pada masa hadapan kelak.

Earl Mountbatten telah memberikan jaminan kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, ketika menjawab titah uchapan Baginda, tentang persahabatan yang tulus ikhlas dari ra'ayat

D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN GURU2 MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Bangunan Guru2 Melayu Brunei di-Jalan Kianggeh, Bandar Brunei dan juga Perayaan Jubli Perak (ia-itu usia yang ke-25 tahun), Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada malam 26 Februari, 1965.

Perayaan2 tersebut telah di-adakan selama tiga hari hingga ka-malam 28 Februari, dengan memperolehi sambutan yang gilang gemilang. (Lihat Muka 5)

Y.T.M. PRINCE PHILIP MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Prince Philip, Duke of Edinburgh, ia-itu suami kapada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, telah tiba di-Brunei dari Sibut dengan kapal terbang "Andover" kepunyaan D.Y.M.M. Baginda Queen pada petang hari Isnin 1 Mach, 1965.

Yang Teramat Mulia Prince Philip telah di-sambut di-Lapangan Terbang Berakas, Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Pesruoh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang E.O. Laird.

Kemudian Y.T.M. Prince Philip dan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berangkat ka-Istana Darul Hana. Pada sa-belak malam hari tersebut Y.T.M. Prince Philip telah menghadiri satu Majlis Jamuan Khas di-Istana Darul Hana. Semasa lawatan Y.T.M. Prince Philip ka-Brunei, Y.T.M. itu telah tinggal di-Istana Tetamu. Y.T.M. Prince Philip telah berangkat ka-Sabah pada hari Selasa 2 Mach.

(Lihat Muka 5)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini bertitah di-Majlis Jamuan Negara yang telah di-adakan di-Istana Darul Hana pada malam 17 Februari, 1965 sebagai mera'ikan lawatan Ketua Turus Pertahanan British, Earl Mountbatten ka-Negeri Brunei. Dari kiri — Earl Mountbatten, D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan, D.Y.M.M. Raja Isteri dan Pesruoh Jaya Tinggi British di-Brunei Yang Terutama Awang E.O. Laird.

Gerakan Sabersib di-Brunei:

PULIS MENAHAN 50 ORANG

BANDAR BRUNEI. — Dalam masa empat bulan yang lalu, kira2 50 orang di-seluroh Negeri Brunei telah di-berkas dan di-tahan di-bawah Undang2 Dharurat oleh Chawangan Khas Pulis Brunei sebagai akibat dari perhubungan mereka dengan 2 gerakan sabersib.

Pergerakan sabersib itu telah mula2-nya di-lakukan oleh orang2 yang di-berkas itu di-Daerah Temburong dengan satu ikrar yang bertujuan chuba hendak menggulingkan Kerajaan sa-chara kekerasan dengan mendapat bantuan dari luar. Demikian menurut satu kenyataan Kerajaan Brunei yang di-terbitkan pada 22 Februari, 1965.

Menurut kenyataan tersebut, garoh dari Komunis dan di-ke-tahui oleh orang2 Tionghua tem-patan sebagai 'Partai Comunis China' (PCC). Pertubuhan ini asal-nya mendapat arahan dari luar negeri dan di-bawa masuk oleh sa-orang bangsa China yang telah di-benarkan tinggal dan ber-gaul dengan penduduk2 di-Dae-ras Temburong.

(Lihat Muka 5)

BERITA PILEHAN2 RAYA

LIHAT MUKA 4 DAN 5

58 ORANG GURU2 BAHRU KELUARAN M.P.K.B. DAN M.P.M.B. MENGAJAR DI-SEKOLAH2 MELAYU

Di-Negeri Brunei Mulai 7 Februari

BANDAR BRUNEI. — Seramai 58 orang Guru2 dari Negeri Brunei keluaran Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan dan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah bertugas mengajar sebagai Guru2 Penolong di-Sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei mulai pada hari Ahad 7 Februari, 1965, ia-itu hari permulaan Penggal I tahun ini.

Guru2 tersebut mengandungi 8 orang Guru2 keluaran Maktab Perguruan Kota Bharu Kelantan dan 50 orang Guru2 keluaran Maktab Perguruan Melayu Brunei, ada-lah saperti di-bawah ini:

GURU2 KELUARAN M.P.K.B.

1. Chegu Dk. Masnonah bt P. Damit mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 2. Chegu Rosnah binte Ibrahim mengajar di-Sekolah Melayu R.I.F., Brunei. 3. Chegu Bidin bin Labuan mengajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. 4. Chegu Ak. Duraman bin P. Baha mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J. A., Brunei.

5. Chegu Mohd. Johary bin Moktar mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. 6. Chegu Abdul Latif bin Burut mengajar di-Sekolah Melayu Abdul Rashid Tg. Maya. 7. Chegu Abdullah bin Othman mengajar di-Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar. 8. Chegu Ak. Ibrahim bin P. A. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu Sengkuron.

GURU2 KELUARAN M.P.M.B.

1. Chegu Abdullah bin A. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu B. Sakam Bunut. 2. Chegu Abd. Rahman bin Muhamad mengajar di-Sekolah Melayu Pengkalauan Batu. 3. Chegu Mahmud bin Lamat mengajar di-Sekolah Melayu Lumapas. 4. Chegu M. Kassim bin H. Kasah mengajar di-Sekolah Melayu Kati Maher. 5. Chegu A. Moksin bin Bakir mengajar di-Sekolah Melayu Pengkalauan Batu.

6. Chegu Pawi bin Haji Pauji mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 7. Chegu Talib bin Pangis mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 8. Chegu Abd. Latif bin

Chuchu mengajar di-Sekolah Melayu Burong Pingau Baharu. 9. Chegu Md. Yusuf bin Muhamad mengajar di-Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria. 10. Chegu Ak. Muhamad bin P. Abas mengajar di-Sekolah Melayu Anggerek Desa.

11. Chegu Berudin bin Asar mengajar di-Sekolah Melayu Puni. 12. Chegu Dk. Maimunah bte P. Ahmad mengajar di-Sekolah Melayu B. Sakam Bunut. 13. Chegu Rokiah bte Husain mengajar di-Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara. 14. Chegu Muhamad bin H. Yassin mengajar di-Sekolah Melayu Puni. 15. Chegu Ak. Hassan bin P. Mohiddin mengajar di-Sekolah Melayu Kasat.

16. Chegu Ak. Sabtu bin P. Kula mengajar di-Sekolah Melayu Kampong Bukit Tutong. 17. Chegu Abd. Talib bin Jair mengajar di-Sekolah Melayu O.K.S.B. Kilanas. 18. Chegu Ak. Damit bin P. Ahmad mengajar di-Sekolah Melayu Ukong. 19. Chegu Md. Jamil bin Mudin mengajar di-Sekolah Melayu Sungai Hanching. 20. Chegu Abd. Kani bin Bangkuil mengajar di-Sekolah Melayu Kampong Menengah.

21. Chegu Ak. Tengah b P. A. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu Sungai Kebun. 22. Chegu Suboh binte Kalong mengajar di-Sekolah Melayu R.I.F., Brunei. 23. Chegu Ibrahim bin Kasim mengajar di-Sekolah Melayu Subok. 24. Chegu Yahya bin Md. Daud mengajar di-Sekolah Melayu Batu Marang. 25. Chegu Abd. Kani bin Md. Said mengajar di-Sekolah Melayu Sengkuron.

26. Chegu Abd. Rahman bin Karim mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J. A., Brunei. 27. Chegu Ahmad bin Tudin mengajar di-Sekolah Melayu Panchor Murai. 28. Chegu Ahmad bin Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J.A., Brunei. 29. Chegu Idris bin Tahir mengajar di-Sekolah Melayu Sengkuron. 30.

Chegu Aminah binte Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu R.I.F., Brunei.

31. Chegu M. Hassan bin Tahir mengajar di-Sekolah Melayu Lela Menchanai. 32. Chegu Md. Salleh bin A. Hamid mengajar di-Sekolah Melayu O.K.S.B. Kilanas. 33. Chegu Morshidi bin Peli mengajar di-Sekolah Melayu Pintu Malim. 34. Chegu Shahbudin bin Taha mengajar di-Sekolah Melayu Sengkuron. 35. Chegu M. Husain bin A. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu S.U.A.S. Muara.

36. Chegu Md. Said bin Idris mengajar di-Sekolah Melayu Danau. 37. Chegu Zainal bin Periau mengajar di-Sekolah Melayu Bukit Sawat. 38. Chegu Ismail bin Hassan mengajar di-Sekolah Melayu Delima I, Berakas. 39. Chegu Othman bin Durani mengajar di-Sekolah Melayu Sungai Liang. 40. Chegu Badaruddin b. A. Rashid mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

41. Chegu Tinah bte Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria. 42. Chegu Ibrahim bin Abd. Rahman mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. 43. Chegu Abdullah bin A. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait. 44. Chegu Ak. Muhamad b P. M. Salleh mengajar di-Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria. 45. Chegu Aspawi bin Abd. Latif mengajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong.

46. Chegu Md. Taib bin Sulaiman mengajar di-Sekolah Melayu S.M.J. A., Brunei. 47. Chegu Ukit bin Muti mengajar di-Sekolah Melayu Ukong. 48. Chegu Dk. Rokiah bte P. Bakar mengajar di-Sekolah Melayu Muhammad 'Alam Seria. 49. Chegu Hasnan bin Sha'ari mengajar di-Sekolah Melayu Kiudang. 50. Chegu Jair bin Inggar mengajar di-Sekolah Melayu Rambai.

22 ORANG PENUNTUT2 BRUNEI LULUS PEPEREKAAN BERSAMA S.P.T. DAN S.U.P.

BANDAR BRUNEI. — Seramai 22 orang penuntut2 telah lulus Peperekaan Bersama Sijil Persekolahan Tinggi dan Sijil Umom Pelajaran yang telah di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dalam bulan November tahun 1964.

Lima orang daripada penuntut2 itu telah di-berikan Sijil Persekolahan Tinggi dan baki-nya Sijil Umom Pelajaran.

Penuntut2 yang telah mendapat Sijil Persekolahan Tinggi ia-lah: Bahaiki bin Jamil, Chua Peng Siong, Francis Fong Joon Fah, Nordin bin Md. Yusof dan Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Penuntut2 yang telah mendapat Sijil Umom Pelajaran ia-lah: Awangku Md. Zain bin Pen-

giran Haji Lampoh, Arthur Andrews, Bahar bin Yahya, David Chong Khim Ki, Dennis Teo, Han Foo Kwang.

Ibrahim bin Haji Mat Yassin, Md. Yassin bin Salleh, Misli binti Awang, Ng Thian Seng, Paul Yapp Pit Chung.

Yapp Fook Sang, Wee Liang Foott, Wo Chew Pak Abdul Rashid bin Abdul Aziz, David Cumaresan Arulanantham dan Raja Ahmad bin Raja Abdullah.

Mashuarat Agong P.A.P.P. Kampong Sultan Lama

KAMPONG SULTAN LAMA. — Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi (PAPP), Kampong Sultan Lama, Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya bertempat di-Dewan PAPP baru2 ini.

Awang Mahmud bin Hussin, Yang Dipertua PAPP telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong tersebut.

Dalam uchapan-nya, beliau telah mengucapkan berbanyak2 terima kaseh kapada semua ahli2 persatuan-nya yang telah bekerjasama dalam berbagai2 lapangan untuk kebahagiaan persatuan itu.

Awang Ismail bin Apong, Setia Usaha PAPP telah memberikan laporan berkenaan dengan perjalanan PAPP dalam tahun yang lalu, serta mengenai Pengeluaran Derma Kebajikan (Suka/Duka) kepada ahli2 PAPP khas-nya dan pendudok2 Kampong Sultan Lama 'am-nya.

PEGAWAI2 BAHRU

Ahli2 Jawatan Kuasa Tabdir PAPP yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut bagi tahun 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:

Yang Dipertua — Awang Mahmud bin Hussin. Timbalan Yang Dipertua — Awang Sulaiman bin Puteh. Setia Usaha Kehormat — Awang Ismail bin Apong. Timbalan Setia Usaha Kehormat — Pengiran Wahab bin Pengiran Kambar. Benda-hari Kehormat Awang Abdul-lah bin Besar.

Setia Usaha Penerangan — Awang Zaidi bin Taha. Setia Usaha Olahraga — Awang Zainal bin Hussin. Setia Usaha Kese-nian dan Kebudayaan — Awang Zam-Zam bin Awang Salim. Setia Usaha Kebajikan — Awang Tahir bin Bakir.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Awang Osman bin Ahmad, Awang Wahab bin Abdul Latif, Awang Md. Zain bin Omar, Awang Ali bin Abdul Hamid, Awang Tuah bin Metussin, Awang Masri bin Apong, dan Awang Hassan bin Md. Tahir.

Keputusan Peperekaan TRENGKAS DAN MENAIP

BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Brunei yang telah lulus dalam Peperekaan Trengkas dan Menaip anjoran Trengkas Melayu Institute, Malaysia pada tahun 1964 ada-lah saperti di-bawah ini:

PEPEREKAAN PERGURUAN MENAIP: 1. M. Noordin bin Haji Tengah. 2. Awangku Metarshad bin Pengiran Metasan. 3. Serudin bin Md. Tarif. 4. Hassan bin Luis. 5. Tamit bin Hanafiah dan 6. Hamdan bin Haji Nawang.

PEPEREKAAN PERGURUAN TRENGKAS: 1. M. Noordin bin Haji Tengah. 2. Awangku Metarshad bin Pengiran Metasan. 3. Hassan bin Luis. 4. Hamdan bin Haji Nawang. 5. Serudin bin Md. Tarif dan 6. Tamit bin Hanafiah.

PEPEREKAAN MENAIP PERINGKAT MENENGAH: 1. Ibrahim bin Abdul Latif. 2. Md. Diah bin Abu Bakar. 3. Bujang bin Ibrahim. 4. Mohd. Said bin Mohd. Saleh. 5. Ya'akub bin Md. Yassin 6. Awangku Omarali bin Pengiran Mohamad. 7. Zaine bin Md. Daud. 8. Julaihi bin Md. Daud. 9. Sharbini bin Ibrahim. 10. Idris bin Abdullah. 11. Md. Taib bin Md. Yusof. 12. Mohd. Hussein bin Hassan dan 13. Naemah binte Zainal Abidin.

PEPEREKAAN MENAIP PERINGKAT PERMULAAN: 1. Saudah binti Suhaili. 2. Duraman bin Tuah. 3. Awang Gharif bin Samat. 4. Dayang Rosidah binti Sulaiman. 5. Zainuddin bin Kula. 6. Awangku Zainal bin Pengiran Bustamam. 7. Awangku Hashim bin Pengiran Haji Mohamad. dan 8. Awangku Salleh bin Pengiran Bungsu.

PEPEREKAAN TRENGKAS PERINGKAT MENENGAH: 1. Dayangku Seri 'Alam binti Pengiran Ahmad. 2. Asmah binte Ali Ahmad. 3. Othman bin Abdul Hamid. 4. Zainuddin bin Kula. 5. Wan Abdul Rahman bin Wan Ali. 6. Md. Yusuf bin Haji Omar Ali dan 7. Pengiran Tuah bin Pengiran Mohamad.

PEPEREKAAN TRENGKAS PERINGKAT PERMULAAN: 1. Mohamad bin Tudin. 2. Sidek bin Abdul Hamid dan 3. Hamdan bin Abdullah.

PELAJARAN ITU SANGAT-LAH PENTING KAPADA ORANG2 YANG HIDUP DI-DUNIA INI

- Kata Awang Sunny Bin Ahmat

KIARONG. — "Saya sunggoh berasa bangga kapada penduduk2 Kampong Kiarong ini atas kejayaan mereka dapat melaksanakan pembinaan bangunan sementara bagi Sekolah Melayu Kiarong ini. Demikian kata Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Sunny bin Ahmat sa-belum beliau merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kiarong pada pagi hari Ahad 14 Februari, 1965.

Awang Sunny telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kiarong, bagi pehak Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar yang telah tidak dapat hadir di-majlis tersebut oleh kerana beberapa sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Dalam uchapan beliau, Awang Sunny telah menguchapkan satinggi2 tahniah kapada penduduk2 Kampong Kiarong, terutama2nya kepada Penghulu Kampong Kiarong, Yang Mulia Dato Ratna Haji Mohamed Ja'afar, yang telah berusaha dengan sa-berapa daya upaya untuk membina bangunan sementara Sekolah Melayu Kiarong dengan sa-chara bergotong-royong.

Selanjutnya Awang Sunny berkata, "Awang2 dan Dayang2 di-sini sunggoh bernasib baik dan beruntung, kerana Awang2 dan Dayang2 telah mempunyai sa-buah Sekolah baru di-dalam kampong sendiri dan sunggoh pun bangunan sekolah ini berupa bangunan sementara sahaja, tetapi saya perchaya dengan ada-nya kerjasama dan bantu-membantu dari Awang2 dan Dayang2 semua bagi menjaga kemajuan sekolah ini, terutama2nya dalam hal kemajuan ke-datangan kanak2 belajar di-sekolah ini, segala kemajuan akan dapat tercapai dengan memuaskan."

Boleh jadi juga, apabila tiba masanya kelak, Awang2 dan Dayang2 akan mempunyai sa-buah sekolah yang mempunyai bangunan yang kekal.

Dari itu, beliau berharap kapada semua penduduk2 Kampong tersebut supaya mereka menggunakan dengan sa-penoh2nya segala kemudahan2 yang di-beri di-sekolah tersebut, demi untuk kemajuan bersama dan harapan di-masa yang akan datang".

Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes berkata di-majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Kiarong bahawa beliau serta Pegawai2 di-Jabatan Pelajaran Brunei sentiasa bergembira melihat sa-buah

sekolah lagi di-buka di-Brunei, kerana perkara itu akan membawa mereka lebih dekat lagi kepada tujuan menyediakan pelajaran yang sesuai kepada semua kanak2 di-dalam lengkongan humor sekolah di-dalam negeri ini.

Awang MacInnes menegaskan bahawa sa-buah sekolah rendah yang kecil boleh di-samakan kebaikan pelajaran-nya dengan sekolah yang besar, jika2 guru2 berkerja dengan bersunggoh2 dan murid2 juga benar2 mahu belajar serta ibu bapa seterusnya memberi kerasama dengan menentukan kedatangan anak2 mereka ka-sekolah pada tiap2 hari.

SAMBUTAN HARI RAYA ANJORAN PERSATUAN BELIA SENGKURONG

SENGKURONG. — Persatuan Belia Sengkurong telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidil Fitri dengan mempersembahkan berbagai2 achara bertempat di-bangunan Sekolah Melayu Sengkurong pada malam 5 Februari yang lalu.

Di-antara achara2 tersebut ia-jah Peraduan Ratu Chantek Mukim Sengkurong Tahun 1965; Pertandingan Bintang Hari Raya Aidil Fitri; Pertandingan Nyanyian Asli Brunei; Pertandingan Nyanyian Lagu2 Moden; Persembahan Farian Joget dan Zipin Jawak-Jenaka, Dugaan Akal dan lain2 nya.

Penghulu Mukim Sengkurong, Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman bin Haji Tamit, selaku Penaong persatuan tersebut telah merasmikan pembukaan temasha itu dan dituruti dengan uchapan oleh Setia Usaha, Persatuan Belia Sengkurong, Awang Abdul Manaf Jambul.

Dayang M.D. Hadizah dari Kampong Mengawang, Mukim Sengkurong telah berjaya mendapat gelaran sebagai "Ratu Chantek Mukim Sengkurong Tahun 1965".

Bagi pehak Jabatan Pelajaran Brunei, Awang MacInnes telah menguchapkan terima kaseh kapada Pegawai Daerah Brunei / Muara, Awang Sunny bin Ahmat yang telah sudi datang ka-Kampong Kiarong pada pagi hari tersebut untuk merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kiarong.

Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, Awang Mohamed Yusof Tahir telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Sunny bin Ahmat, sa-laku Wakil Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar dan juga kapada Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes, Pengguna Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff dan lain2nya yang telah hadir di-majlis tersebut.

Awang Mohamed Yusof Tahir telah menarek perhatian penduduk2 Kampong Kiarong terhadap uchapan2 oleh Awang Sunny dan Awang MacInnes yang mengandungi nasihat2

yang berguna untuk mencapai sa-suatu kemajuan, terutama bagi menjaga kemajuan2 anak2 mereka.

Oleh itu, Awang Mohamed Yusof Tahir sangat2 berharap samoga se-gala nasihat2 itu akan menjadi panduan kapada penduduk2 Kampong Kiarong.

Sa-bagai Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, Awang Mohamed Yusof Tahir berkata bahawa beliau berasa bangga dan suakchita kerana dengan ada-nya terdiri sa-buah sekolah di-Kampong Kiarong itu, maka bilangan sekolah2 Melayu dalam Bahagian Brunei II, telah menambahkan lagi ia-itu telah menjadi sa-bangak 28 buah sekolah.

Penghulu Kampong Kiarong, Yang Mulia Dato Ratna Haji Mohamed Ja'afar telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Sunny bin Ahmat yang telah sudi hadir di-majlis tersebut untuk merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kiarong serta juga kapada Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes, Pengguna Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff dan lain2nya yang telah hadir di-majlis tersebut.

Beliau berharap bahawa sa-moga dengan kerjasama antara semua orang yang tinggal di-Kampong Kiarong dalam usaha memberi pendekan yang baik kapada anak2 mereka yang belajar di-sekolah yang baru itu, maka pelajaran anak2 mereka itu akan bertambah2 maju pada sa-tiap masa.

7 ORANG WAKIL G.P.P.S. KA-KURSUS PEMIMPIN2 BELIA

TUTONG. — Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela (G.P.P.S.) Tutong, telah bersetuju melantek seramai 7 orang Pegawai2 persatuan itu dalam Mashuarat Agong-nya pada 12 Februari yang lalu, untuk menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria pada 15 hingga 22 Mei akan datang.

Wakil2 G.P.P.S. yang akan menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia tersebut ada-lah seperti berikut:

Awang Emran Husain, Awang Seruri Jaya, Awang Suhami Abu Bakar, Awang Marsal Lagong, Awang Azahari Iradat, Awang Md. Said Osman dan Dayang Zainun Latiff.

Sementara itu Persatuan G.P.P.S. telah bersetuju bergabung dengan Lembaga Belia Daerah Tutong dan melantek Awang Yahya Yusof dan Awang Suhami Abu Bakar sebagai Wakil2 Persatuan G.P.P.S. ka-Majlis penubuhan Lembaga Belia Daerah Tutong.



Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Sunny bin Ahmat, bagi pehak Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Awang Mohamed Taib bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Kiarong pada hari Ahad 14 Februari, 1965. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara pembukaan rasmi Sekolah Melayu Kiarong pada pagi hari tersebut.

PERTANDINGAN PILEHAN2 RAYA MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI DAN MAJLIS2 MASHUARAT DAERAH:

**M. M. N. -
M. M. D. -**

BANDAR BRUNEI. — Seramai 35 orang chalun2 akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri dan 71 orang chalun2 akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah.

Sa-orang sahaja chalun telah menang dengan tidak payah bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri ia-itu bagi kawasan Brunei Timor dan 24 orang chalun2 telah menang dengan tidak payah bertanding dalam Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah.

Chalun yang menang dengan tidak payah bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri ia-lah Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh. Beliau telah juga menang dengan tidak payah bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei bagi kawasan Delima.

Jumlah chalun2 yang telah menang dengan tidak payah bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah Brunei ia-lah seramai 14 orang. Majlis Mashuarat Daerah Belait seramai 6 orang. Majlis Mashuarat Daerah Temburong seramai 3 orang dan Majlis Mashuarat Daerah Tutong sa-orang.

Hari Menamakan Chalun bagi Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri ia-lah 18 Februari, 1965 dan Hari Mengundi ia-lah 20 Mach 1965.

Hari Menamakan Chalun bagi Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah ia-lah 18 Februari, 1965 dan Hari Mengundi ia-lah 18 Mach 1965.

Pada Hari Menamakan Chalun bagi Pilehan Raya Majlis Mashuarat Daerah, 3 kawasan telah tidak mendaftarkan nama2 chalun masing2. Kawasan2 itu ia-lah Sengkurong dan Tanjung Nangka untuk Majlis Mashuarat Daerah Brunei. Satu lagi kawasan ia-lah Kawasan Lorong Tiga, Seria untuk Majlis Mashuarat Daerah Belait.

Dengan sebab itu, Penyelia Pilehan2 Raya Brunei telah menetapkan supaya Hari Menamakan Chalun untuk kawasan2 tersebut di-adakan pada hari Rabu 24 Februari.

Pada hari tersebut 2 orang telah mendaftarkan nama untuk bertanding bagi kawasan Sengkurong, 2 orang bagi kawasan Tanjung Nangka dan 2 orang bagi kawasan Lorong 3, Seria.

Chalun2 yang telah dilantek dengan tidak payah bertanding pada 18 Februari, 1965 ada-lah seperti berikut:

MAJLIS MASHUARAT NEGERI: KAWASAN BRUNEI TIMOR — Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.

**MENANG TANPA BERTANDING - 1 ORANG.
BERTANDING PADA 20 MACH - 35 ORANG.
MENANG TANPA BERTANDING - 24 ORANG.
BERTANDING PADA 18 MACH - 71 ORANG.**

MAJLIS M. D. BRUNEI: DELIMA — Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh. BERAKAS-PUDIN bin Jamahat. KUALA BRUNEI — Hashim bin Saman. PINTU MALIM — Awang Othman bin Awang Sunggoh. LUMAPAS-KASAT — Shamsuddin bin Lamat. SUMBILING — Haji Ya'akub bin Awang Zainal. BUKIT SALAT — Abdul Rahman bin Chu chu. SUNGAI KEDAYAN — Mohammad Taib bin Haji Md. Salleh. SULTAN LAMA — Awang Moktal bin Md. Salleh. BENDAHARA LAMA — Haji Awang Tengah bin Awang Hashim. PEKAN LAMA — Awangku Mohamad bin Pengiran Tuah. RAJA MUDA — Pengiran Mohamad bin Pengiran Lahab. PAHLAWAN — Salleh bin Aliakbar. SABA — Masri bin Raup.

MAJLIS MASHUARAT DAERAH TUTONG: KUPANG-BIRAU — Awang Layeh bin Ludin.

MAJLIS MASHUARAT DAERAH BELAIT: LIANG — Hassan bin Yahya (Bujang). MARINA — Pengiran Md. Yusuf bin Pengiran Abu Bakar. PANAGA — Mohd. Yassin bin Yussof. PANGLIMA — Lamat bin Apong. PEKAN BELAIT — Awang Metali bin Omar Inche. BUKIT SAWAT — Matzain bin Teradi.

MAJLIS MASHUARAT DAERAH TEMBURONG: PUNI — Haji Abu Bakar bin Baha. BELABAN — Badas bin Kamaruddin. AMO — Tabari bin Balang.

Chalun2 yang akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri ada-lah seperti berikut:

BRUNEI BARAT: 1. Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Md. Salleh. Chogan — Kupu-Kupu. 2. Haji Halus bin Abdul Samad. Chogan — Ratu.

BANDAR BRUNEI: 1. Pengiran Haji Yussof bin Pengiran Md. Limbang. Chogan — Kipas (kipas tangan). 2. Ong Kim Kee. Chogan — Angsa. 3. Haji Ya'akub bin Awang Zainal. Chogan — Derek Minyak. 4. See Ching Siong (See Bah Lee). Chogan — Buah Manggis.

KAMPONG AYER: 1. Awang Othman bin Awang Sunggoh. Chogan — Pipe Sigupan. 2. Mohammad Taib bin Haji Md. Salleh. Chogan — Bunga. 3. Tuan Haji Bakar bin Awang Hashim. Chogan — Payong.

TUTONG TIMOR: 1. Pengiran Othman bin Pengiran Salleh. Chogan — Jam Meja. 2. Abdul Wahab bin Orang Kaya Md. Safar. Chogan — Lampu Meja. 3. Haji Ghazali bin Umar. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

TUTONG BARAT: 1. Bakri bin Haji Md. Sadin. Chogan — Jambatan. 2. Kapal bin Bundan. Chogan — Meja. 3. Mohd. Zain bin Serudin. Chogan — Rumah Lampu. 4. Abdul Manan bin Muhammad. Chogan — Padi.

SERIA: 1. Abdul Samad bin Metussin. Chogan — Angsa. 2. Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar. Chogan — Kipas (kipas tangan). 3. Malai Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid. Chogan — Buah Manggis. 4. Jilli bin Ibrahim.

him (O.K.P.I.). Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

KUALA BELAIT: 1. Pengiran Haji Abdul Wahab bin Pengiran Anak Abdul Rahman. Chogan — Laba-laba. 2. Zainal Abidin bin Puteh. Chogan — Pipe Sigupan. 3. Abu Hanifah bin O.K.P.S. Di-Raja Haji Abang Bujang. Chogan — Radu. 4. Awang Metali bin Omar Inche. Chogan — Chawan. 5. Haji Marusin bin Abdullah. Chogan — Bunga. 6. Ahmad bin Haji Abdul Razak. Chogan — Kulimambang. 7. Stephen Liew Kee Soon. Chogan — Payong.

ULU BELAIT: 1. Lim Leong Kui. Chogan — Pokok Kayu. 2. Harun bin Khatib Razak. Chogan — Kipas Angin (Elektrik). 3. Ubi bin Lichen. Chogan — Kuda. 4. Arbik bin Othman. Chogan — Buah Kelapa. 5. Ariff bin Mujun. Chogan — Padi.

Chalun2 yang akan bertanding dalam Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah ada-lah seperti berikut:

DAERAH BRUNEI

MUARA: 1. Awang Md. Ali bin D.S. Laila Samat. Chogan — Ayam. 2. Awang Ali bin Ahmad. Chogan — Buah Kelapa.

GADONG: 1. Awang Ahmad bin Chuchu. Chogan — Ketel. 2. Haji Nawang bin Ali. Chogan — Tikuan

KILANAS: 1. Haji Halus bin Abdul Samad. Chogan — Pipe Ayer. 2. Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Md. Salleh. Chogan — Ikan.

PENGKALAN BATU: 1. Haji Baha bin Haji Kamis. Chogan — Teropong. 2. Haji Bungsu bin Haji Kadir. Chogan — Chawan.

BURONG PINGGAI: 1. Tuan Haji Bakar bin Awang Hashim. Chogan — Kuda. 2. Md. Yusof bin Piut. Chogan — Pokok Kayu.

SABA DARAT: 1. Awang Ahmad bin Abdullah. Chogan — Penyiram Bunga. 2. Abdul Gani bin Haji Tengah. Chogan — Tangga.

PERAMU: 1. Haji Ismit bin Haji Naim. Chogan — Basikal. 2. Bakar bin Salleh. Chogan — Perisai.

PEKAN BRUNEI: 1. Ong Kim Kee. Chogan — Kepala Engin. 2. See Ching Siong (See Bah Lee). Chogan — Traktor. 3. Pengiran Haji Yussof bin Pengiran Mohamed Limbang. Chogan — Kunchi.

SENGKURONG: 1. Haji Tamim bin Haji Tamit. Chogan — Pisang. 2. Ahmad Jalani bin Abdul Rahim. Chogan — Burong.

TANJONG NANGKA: 1. Awang Kula bin Mangol. Chogan — Kapal Terbang. 2. Ludin bin Haji Mohamad. Chogan — Padi.

DAERAH TUTONG

KIUDANG: 1. Pengiran Othman bin Pengiran Salleh. Chogan — Jam Meja. 2. Suhaili bin Khatib Wahid. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat. 3. Munchong bin Angkai. Chogan — Buah Kelapa.

LAMUNIN: 1. Sabtu bin Hassan. Chogan — Kipas (kipas tangan). 2.

**MENANG TANPA
BERTANDING**



Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.

Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, berumur 40 tahun, telah berjaya memenangi Pertandingan Pilehan2 Raya Majlis Mashuarat Negeri bagi Kawasan Brunei Timor dan Majlis Mashuarat Daerah Brunei bagi Kawasan Delima baharu2 ini.

Sa-beliau mendaftarkan nama untuk bertanding dalam Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat tersebut, Pengiran Damit telah berkhidmat sebagai Pegawai Pertanian Luar di-Jabatan Pertanian Negeri Brunei. Beliau telah berkhidmat di-Jabatan Pertanian selama 17 tahun.

Pengiran Damit mendapat pendekan di-Sekolah Melayu Pekan Brunei dan mulai berkhidmat dengan Kerajaan Brunei sebagai Guru Pelatih di-Sekolah Melayu Tumpuan Telisi dalam tahun 1941. Kemudian beliau mengajar di-beberapa buah Sekolah2 Melayu di-negeri ini, di-antara-nya ia-lah di-Sekolah2 Melayu Tanjung Maya, Tumpuan Ugas (Danau), Kilanas, Gadong dan Pekan Brunei.

Beliau telah menghadiri Kursus Pertanian di-Maktab Pertanian Serdang, Selangor selama sa-tahun mulai pada bulan Mei tahun 1948. Pada masa Pengiran Damit kembali ka-Brunei sa-lepas menghadiri kursus tersebut, beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Pertanian Negeri Brunei dan di-tugaskan sebagai Pelawat Kebun2 Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei hingga-lah katuhun 1951. Dalam bulan April tahun 1952, Pengiran Damit telah menghadiri Kursus Bunga2an di-Kebun Bunga, Singapura selama 7 bulan.

Pada masa sekarang beliau menjadi Ketua Kampung Anggerek Desa Berakas, Brunei dan Pembantu Setia Usaha Agong, Kesatuan Pegawai2 Tetap, Kerajaan Brunei.

Suhaili bin Dagong, Chogan — Radu.

SINAUT: 1. Abu bin Salam. Chogan — Sikat. 2. Abang bin Tinggal. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat. 3. Suhaili bin Othman. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

PENANJONG — KERIAM: 1. Metali bin Haji Talib. Chogan — Teropong. 2. Abdul Salam bin Othman. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

PEKAN TUTONG: 1. Haji Ghazali bin Umar. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat. 2. Abdul Wahab bin O.K. Md. Safar. Chogan — Derek Minyak.

DANAU: 1. Jilli bin Ibrahim (O.K.P.I.). Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat. 2. Ismail bin Tarip. Chogan — Kunchi. 3. Awang Morni bin Ahmad. Chogan — Tanga.

(Lihat Muka 5)

Pilehan Raya Majlis Mashuarat Negeri dan Daerah:

(DARI MUKA 4)

KUALA TUTONG: 1. Md. Yasmin bin Metassan. Chogan — Kipas Angin (Elektrik). 2. Rasil bin Haji Lahid. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

TANJONG MAYA: 1. Mohd. Zain bin Serudin. Chogan — Pokok Kayu. 2. Abdul Manaf bin Lakim. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

LAYONG: 1. Ibrahim bin Haji Md. Serudin. Chogan — Angsa. 2. Besar bin Abdul Rahman. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat. 3. Numan bin Kuleh. Chogan — Tikuan.

UKONG—BUKIT: 1. Ringgit bin Luang. Chogan — Payong. 2.

Tawak bin Timang. Chogan — Kerusi. 3. Belanchai bin Sidi. Chogan — Tukol pencil berchabang berkalong bulat.

RAMBAI: 1. Edin bin Haron. Chogan — Chawan. 2. Damit bin Salleh. Chogan — Kuda.

DAERAH BELAIT

PEKAN SERIA: 1. Abdul Samad bin Metussin. Chogan — Basikal. 2. Malai Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid. Chogan — Tangga.

TEMANGGONG: 1. Haji Marusin bin Abdullah. Chogan — Traktor. 2. Zainal Abdin bin Puteh. Chogan — Perisai.

TANJONG: 1. Ahmad bin Haji Abdul Razak. Chogan — Pipe Ayer. 2. Pengiran Haji Abdul Wahab bin Daud, Chogan — Pisang.

Pengiran Anak Abdul Rahman Chogan — Teropong.

KUALA BALAI: 1. Ura bin Taha. Chogan — Ikan. 2. Hasim bin Adil. Chogan — Kendi.

LABI: 1. Mokti bin Yahya. Chogan — Derek Minyak. 2. Ali Kudi bin Abdul Talib. Chogan — Daun.

LORONG TIGA: 1. Ismail bin Duraman. Chogan — Kepala Enjin. 2. Ahmat Tamin. Chogan — Anak Kunchi.

TEMBURONG

BANGAR: 1. Abdul Hamid bin Adam. Chogan — Basikal. 2. Md. Zin bin Kamis. Chogan — Burong. 3. Awang Haji Tengah bin Ampuan Daud, Chogan — Pisang.

PENDARUAN: 1. Haji Ja'afar bin Ali. Chogan — Ikan. 2. Lakim bin Haji Badar. Chogan — Ketel.

BATU APOI: 1. Tuah bin Tali. Chogan — Kapal Terbang. 2. Lim Jit Jau (Ah Hing). Chogan — Chermin Mata. 3. Sulaiman bin Md. Yassin. Chogan — Topi.

LABU: 1. Metusin bin Aliakbar. Chogan — Talipon. 2. Chin Ah Wa. Chogan — Gajah.

Sementara itu, Penyelia Pilehan Raya Negeri Brunei, menasihatkan kapada pengundi supaya mereka menyimpan kad pengundi masing dengan sa-berapa chermat dan membawa kad pengundi masing2 k-tempat membuang undi pada masa mengundi.

Mashuarat Agong G.P.P.S.

TUTONG. — Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, (G.P.P.S.) Tutong telah mengadakan Mashuarat Agong Tahunan-nya bertempat di Dewan Kembang Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Juma'-at 12 Februari, 1965.

Awang Emran Husain telah memimpin mashuarat tersebut dan ramai ahli2 Persatuan G.P.P.S. telah hadir di-majlis tersebut.

Pegawai2 baharu Persatuan G.P.P.S. yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua — Awang Emran Husain. Naib Yang Dipertua—Awang Matamit Iradat Setia Usaha Agong — Awang M. Shariff Naweh. Penulong Setia Usaha Agong — Awang Seruji Jaya. Penyimpan Wang — Awang Marsal Lagong.

Ketua Seksi Sosial — Awang Yahya Yusof. Penulong Ketua Seksi Sosial (Brunei) —

Awang Abdul Karim Yahya. Penulong Ketua Seksi Sosial (Tutong) — Dayang Zainun Latiff.

Ketua Seksi Pendidekan — Awang Azahari Iradat. Ketua Seksi Ugama — Awang Moksin Ahmad. Ketua Seksi Wanita — Dayang Hafsa Naweh.

Ketua Seksi Ekonomi—Awang Md. Said Othman. Ketua Seksi Kesenian dan Kebudayaan — Awang Muhammad Chuchu.

Ahli2 Jawatan Kuasa — Dayang Maisalamah Daud, Awang Suhaimi Abu Bakar, Awang Md. Mansur Umar dan Awang Md. Yusuf Gumbol.

Setia Usaha Setempat: Panchor Papan — Awang A. Hamid Daud. Seria/Belait — Awang Ahmad Murad A. Wahab. Brunei — Awang A. Halim Umar. Panchor Dulit/Sengkarai/Petani — Awang Md. Yusof Sulaiman. Keriam/Luagan Dudok—Awang Md. Ali Mokti.

Earl Mounbatten Mengadap D. Y. M. M.

(Dari Muka 1)

British kapada ra'ayat Brunei.

Ini-lah kali yang kedua Earl Mounbatten melawat ka-Negeri Brunei. Beliau telah melawat ka-negeri ini dalam tahun 1922 bersama2 dengan Yang Teramat Mulia Prince of Wales.

PERUBAHAN2 DI-BRUNEI

Berbagai2 perubahan telah berlaku di-negeri ini semenjak 43 tahun dahulu, kata Earl Mounbatten, kechualni Kampong Ayer yang bersejarah dan berpeman-

dangan indah itu serta tempat kediaman Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei.

PENGHARGAAN

Earl Mounbatten telah juga menyatakan penghargaan-nya kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan terhadap pembinaan Perkhemahan Tentera Brigade Bahagian Tengah di-negeri ini, sambil menegaskan bawah hal yang sademikian ada-lah satu chontoh persahabatan dan kerjasama yang amat erat dari Duli Yang Maha Mulia terhadap tentera2 British yang berada di-Negeri Brunei.

PULIS BRUNEI MENAHAH 50 ORANG

(Dari Muka 1)

Berhubung dengan hal yang sa-demikian, Kerajaan Brunei telah mengambil keputusan bawah kedua2 pergerakan tersebut tidak-lah boleh di-biarkan berluasan di-negeri ini, terutama sekali ketika penchubaan Indonesia melakukan pencherobohan, kerana harus gerakkan itu akan di-pergiatkan lagi oleh mereka.

Jika sa-kira-nya gerakkan sa-perti itu berjalan terus, maka penangkapan lanjut mungkin perlu di-jalankan di-masa2 ha-dapan.

Sa-bilangan besar dari orang2 yang telah di-berkas itu telah di-tahan, sa-telah mereka mengambil bahagian dalam pender-hakaan yang gagal dalam bulan Disember tahun 1962.

Sa-sudah menjalani kursus pemulihan yang lengkap, mereka itu telah mengangkat sumpah dengan menyatakan ta't setia mereka yang tidak berbelah-bagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Kerajaan Brunei berpendapat bawah sa-bilangan besar dari penduduk2 Brunei yang tidak berdosa, tidak-lah boleh di-pengarohi dan di-anayai oleh sa-bilangan kecil orang2 yang jahat yang chuba menyibarkan dia-yah2 Indonesia di-kawasan yang kurang maju dan terpenchil di-negeri ini.

D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN GURU2 MELAYU BRUNEI

(Dari Muka 1)

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan merasmikan pembukaan Bangunan Guru2 Melayu Brunei yang indah itu, Baginda telah melafadzkan satu Titah Uchapan yang amat di-hargai. Terdahulu dari itu, Yang Dipertua Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh telah beruchap di-majlis tersebut.

Kemudian satu Majlis Jamuan telah di-adakan dan di-turuti dengan persembahan Aneka Warna.

Temasha Aneka Warna tersebut telah juga di-adakan pada malam 27 dan 28 Februari.

Pada pagi hari Sabtu 27 Februari Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Pada petang hari Ahad 28 Februari pula, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah mengadakan satu temasha Lumba Basikal sa-chara pantai sa-jauh 9 batu dari Pantai Berakas ka-hadapan Bangunan Guru2 Melayu Brunei.

**PERADUAN
KESIHATAN KANAK2**

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha Peraduan Kesihatan Kanak2 di-bawah anjoran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei akan di-adakan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada 19 Mach, 1965. Temasha itu ter-buka kapada orang ramai mulai pada pukol 9 pagi hari tersebut.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Mach hingga ka-hari Selasa 16 Mach, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
3	5.02	5.16	6.31	12.38	3.58	6.38	7.49
4	5.02	5.16	6.31	12.38	3.58	6.38	7.49
5	5.01	5.15	6.30	12.37	3.57	6.38	7.49
6	5.01	5.15	6.30	12.37	3.57	6.38	7.49
7	5.01	5.15	6.30	12.37	3.57	6.38	7.49
8	5.00	5.14	6.29	12.36	3.56	6.37	7.48
9	5.00	5.14	6.29	12.36	3.56	6.37	7.48
10	4.59	5.13	6.28	12.36	3.55	6.37	7.48
11	4.59	5.13	6.28	12.36	3.55	6.37	7.48
12	4.59	5.13	6.28	12.36	3.55	6.37	7.48
13	4.58	5.12	6.27	12.35	3.54	6.37	7.48
14	4.58	5.12	6.27	12.35	3.54	6.37	7.48
15	4.58	5.12	6.27	12.35	3.54	6.36	7.47
16	4.57	5.11	6.26	12.34	3.53	6.36	7.47

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hen-dak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

JAWATAN² KOSONG

Penolong Penyelidikan di-Sekolah Gambar

Permohonan² ada-lah di-jemput dari chalon² yang menjadi ra'ayat atau yang berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan kosong sebagai Penolong Penyelidikan dalam Sekolah Gambar, Brunei.

KELAYAKAN²: Chalon² mesti-lah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai semua segi kebudayaan, adat istiadat, sejarah, mempunyai pengalaman yang luas dalam hal Ilmu Alam Negeri ini. Pandai mengarang dan sekurang-nya lulus Form III dalam bahasa Inggeris.

GAJI: Dalam tingkatan C(b) 1—2 — \$520 x 20—540x30—750

KEWAJIPAN: Chalon² mesti-lah sanggop setiap masa membuat kerja, bersedia untuk pergi melawat tempat² yang bersejarah, ka-ulu sungai, masok hutan, pergi ka-kampong². Chalon² mesti-lah juga bersedia tinggal

di-luar kawasan kerja dari masa ka-sa-masa.

Permohonan² daripada Pegawai² Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat mereka siapa di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² mesti-lah di-pemohon di atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai² Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1965.

Pembantu Perpustakaan di-Pejabat Dewan Bahasa

Permohonan² ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan sebagai Pembantu Perpustakaan di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

KELAYAKAN² DAN
PENGALAMAN:

(a) Pemohon² mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

(b) Mempunyai kelulusan darjah VII Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya dan boleh berbahasa Inggeris.

(c) Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perpustakaan sekurang-nya selama satu tahun.

GAJI: Dalam sukatian gaji

D(b)2—3—4—5 \$211—220 x 10—260—280—290 x 20—330.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan² yang mesti di-isi di atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai² Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 5 Mach, 1965.

Penyelenggara Setor di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara

Permohonan² ada-lah di-pelawa daripada Pegawai² Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat I di-Jabatan Setor² dan Perbekalan Negara, Brunei.

GAJI: Dalam sukatian D(a) 2—3—4—5 \$400 x 20—560.

KELAYAKAN²: Hanya pemohon² yang mempunyai kelayakan² seperti berikut sahaja di-kehendaki memohon:

(a) Pemohon² mesti-lah mempunyai kelulusan Form III Inggeris dan Darjah V Melayu atau yang bersamaan dengan-nya.

(b) Pemohon² mesti-lah lulus dalam peperiksaan Kerani Rendah.

(c) Pemohon² mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang-

nya 10 tahun dalam pekerjaan setor

Permohonan² mesti-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan sulit dan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai² Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Mach, 1965.

PEMEREKSA KIRA² DI-JABATAN ODIT

Permohonan² ada-lah di-jemput untuk memenohi kekosongan² sebagai Pemereksa Kira² di-Jabatan Odit, Brunei.

GAJI: Dalam tingkatan gaji \$211—220 x 10—260—280—290 /EXAM/310 x 20—370—380 /BAR/400 x 20—560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

KELAYAKAN²: Pemohon² mesti-lah lulus sekurang-nya Form III Sekolah Inggeris dan baik dalam Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kapada chalon² yang mempunyai pengetahuan dalam book-keeping dan pengalaman dalam ilmu kira².

SHARAT² LANTEKAN: Chalon² yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuklah 6 bulan masa perchubaan. Chalon² yang terdiri dari ra'ayat² Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap

selepas satu tempoh perchubaan.

BAKSIS: Chalon² yang di-lantek sechara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap² bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan² daripada pegawai² Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Jabatan mereka. Ketua² Jabatan di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama² dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-isi di atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai² Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 10 Mach, 1965.

PEGAWAI² PENCHEN

Permohonan² ada-lah di-jemput daripada Pegawai² yang sedang berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Kerajaan dan berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai² Penchen dalam Jabatan Penchen² Negara, Brunei.

GAJI: Dalam sukatian gaji D(b)1—2—3—5 D(a)1—2—3—4 \$190 x 7—211—220 x 10—260—290 x 20—370—380 x 20—520.

Hanya mereka² yang mempunyai kelayakan yang berikut sahaja di-kehendaki memohon:

(a) Pemohon² mesti-lah lulus sekurang-nya Darjah V Melayu dan Form II Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.

(a) Pemohon² mesti-lah mempunyai sekurang-nya 5 tahun pengalaman di-dalam perkhidmatan Kerajaan. Lebih elok lagi jika mereka mempunyai

pengalaman di-dalam kerja² penchen dan dalam urusan dengan Penghulu² dan Ketua² Kampong.

Permohonan² hendak-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat masing-2 siapa di-kehendaki menghantar laporan² sulit mengenai pemohon² itu bersama dengan satu salinan penyata perkhidmatan yang lengkap. Permohonan² yang mesti di-isi dalam borang² yang boleh di-dapat dari Pegawai² Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 10 Mach, 1965.

Juru Trengkas Melayu Di-Pejabat Daerah Tutong

Permohonan² ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai² Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Daerah, Tutong.

GAJI: Dalam sukatian gaji D(a) 1—2—3—4—5 \$350—370—380 x 20—560. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan² yang tersebut dibawah ini di-kehendaki memohon.

Pemohon² mesti-lah boleh menulis trengkas selaku 80 per-

kataan sa-minit dan boleh menaip sekurang-nya 40 perkataan sa-minit.

Permohonan² mesti-lah di-hantar melalui Ketua² Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan² yang mesti di-penohkan di atas borang² yang boleh di-perolehi daripada Pegawai² Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1965.

Jawatan2 Kosong:

Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II dan III di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Brunei.

(a) PENYELENGGARA SETOR TINGKAT II.

GAJI: Dalam sukatan D(a) 1 D(b) 2—3—4—5 \$211—220 x 10—260—280—290 x 20—370—380.

KELAYAKAN2: Chalon2 bagi pelantekan mesti-lah sudah berumur 17 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2nya Form III Inggeris atau Darjah VII Melayu dan mesti-lah baik dalam Ilmu Hisab.

SHARAT2 LANTEKAN: Pemohon yang di-pileh akan di-lantek atas perchubaan dengan gaji permulaan yang di-tetapkan menurut kelayakan2 persekolahan-nya. Terdahulu dari tammat-nya tempoh perchubaan, dia

ada-lah di-kehendaki mengambil pepereksaan Jabatan.

(b) PENYELENGGARA SETOR TINGKAT III.

GAJI: Dalam sukatan E. 1—2—3 \$183 x 7—211—220 x 10—260—280—300.

KELAYAKAN2: Chalon2 bagi pelantekan mesti-lah sudah berumur 17 tahun dan hendak-lah lulus sekurang2nya Form II Inggeris atau Darjah VII Melayu dan mesti-lah baik dalam Ilmu Hisab.

SHARAT2 LANTEKAN: Pemohon yang di-pileh akan di-lantek atas perchubaan dengan gaji permulaan yang di-tetapkan menurut kelayakan2 persekolahan-nya. Terdahulu dari tammat-nya tempoh perchubaan, dia

ada-lah di-kehendaki mengambil pepereksaan Jabatan.

Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah dipelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

GAJI: Dalam sukatan gaji D(a) 1—2—3—4—5 \$350—370—380 x 20—560. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis trengkas selaku 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2nya 40 perkataan sa-minit.

Permohonan2 mesti-lah dihantar melalui Ketua2 Pejabat siap di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti dipelohnkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach 1965.

Meletak Batu Asas Pejabat Ugama Kuala Belait




Pemangku Pesuroh Jaya Kemajuan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee (kini berchuti di-luar negeri) telah meletakkan Batu Asas Bangunan Baharu Pejabat Ugama Kuala Belait pada 11 Februari, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Awang John Lee sedang menyempurnakan upacara tersebut. Di-sabelah beliau ia-lah Pengetua, Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin.

RATU CHANTEK SENGIKURONG TAHUN 1965

Dayang M.D Hadizah dari Kampong Mengawang, telah berjaya mendapat gelaran sebagai "RATU CHANTEK SENGIKURONG TAHUN 1965" di-temasha Malam Ria Sambutan Hari Raya Aidil Fitri anjoran Persatuan Belia Sengkurong baharu2 ini. Pemenang yang kedua dalam pertandingan tersebut ia-lah Dayang Hamidah dari Kampong Pasai dan Pemenang yang ketiga ia-lah Dayang Juliana dari Kampong Pasai.

Pegawai2 Baharu PERKASA



Gambar ramai Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir (Tetap) Persatuan Kampong Saba (PERKASA) Brunei bagi Tahun 1965. Gambar Kiriman Haji Taha bin Md. Salleh.



Dayang M.D. Hadizah

BAHAGIAN BAHASA DAN PUSTAKA SEKARANG DI-NAMAI SABAGAI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Mulai dari 1 Januari, 1965 Bahagian Bahasa dan Pustaka telah menjadi sa-buah jabatan baharu yang berasarkan dari Jabatan Pelajaran Negara, Brunei.

Sa-hingga sa-buah bangunan baharu siap di-bina, Jabatan tersebut akan maseh berpejabat di-Bangunan Jabatan Pelajaran, Brunei.

Dengan penubohan jabatan yang baharu itu, maka "Bahagian Bahasa dan Pustaka" ada-lah sekarang di-namai sa-bagai "Dewan Bahasa dan Pustaka" dan Ketua Jabatan itu hendak-lah di-panggil sa-bagai Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Segala perhubungan2 surat menyurat dan lain2 hal-ehwal atau perkara2 yang dahulu-nya berthabit dengan Bahasa dan Pustaka hendak-lah sekarang di-alamat-kan terus kepada Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, kechualan perkara2 yang berikut yang dahulu-nya di-tadbirkan oleh Bahagian Bahasa dan Pustaka sekarang akan terus di-tadbirkan oleh Jabatan Pelajaran Negara. Perkara2 itu ia-lah: -

- (a) Darjah2 membasmi buta huruf (orang2 dewasa);
- (b) Darjah Bahasa Melayu

JEMA'AH2 HAJI BRUNEI SELAMAT TIBA DI-JEDDAH

BANDAR BRUNEI. — Semua orang Jema'ah2 Haji dari Brunei yang belayar dari Singapura dengan kapal Haji pelayaran pertama telah selamat tiba di-Jeddah pada 20 Februari.

Jema'ah2 Haji dari Brunei yang belayar dari Singapura dengan kapal Haji pelayaran kedua telah selamat tiba di-Jeddah pada 23 Februari. Demikian menurut ke nyataan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

MAJLIS MEMPERINGATI DOKTOR MOHAMMAD IQBAL

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Sambutan Memperingati Penyerahan Doktor Mohammad Iqbal telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei pada malam 25 Februari, 1965.

Berbagai2 acara telah di-adakan di-temasha tersebut, antara-nya ia-lah Peraduan Membacha Sajak2 Iqbal; Drama berjodol "Gerhana", Sharahan berkenaan dengan riwayat hidup Penyerahan Doktor Mohammad Iqbal, Nashid dan lain2-nya.

Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin telah menyampaikan hadiah2 kapada peserta yang berjaya dalam Peraduan Membacha Sajak.

Keputusan Peraduan Membacha Sajak tersebut ia-lah: 1. Dayangku Hairani binti Pengiran Muda Kahar dari Persatuan B.P.S.U. Brunei. 2. Dayang Norsiah binti Md. Yusof dari Sekolah Melayu S.M.J.A. dan 3. Dayangku Iring binti Pengiran Md. Said dari PATUH Brunei.

GUNAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN DALAM SA-GENAP LAPANGAN

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Jadual lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam ka-beberapa tempat di-negeri ini pada hari Juma'at 5 Mach dan hari Juma'at 12 Mach, 1965 ada-lah seperti berikut:

Hari Juma'at 5 Mach: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Kilanas, Brunei dan (b) 2 petang ka-4 petang di-Kampong Pemancha Lama, Brunei.

Hari Juma'at 12 Mach: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Telisai, Tutong dan (b) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Pancar Murai, Brunei.

Orang ramai ada-lah di-persilakan hadir pada masa anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam melawat ka-tempat2 tersebut.

D.Y.M.M. MERASMIKAN PEMBUKAAN BANGUNAN GURU-GURU MELAYU BRUNEI



Satu pemandangan Bangunan Guru2 Melayu Brunei di-Jalan Kianggeh, Bandar Brunei. Bangunan yang indah ini telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin pada malam 26 Februari, 1965.

MELAWAT PADANG MINYAK



Beberapa orang Pegawai2 dan Ahli2 Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 Ugama, Brunei di-bawah pimpinan Awang Metusin Haji Ibrahim (berdiri di-selatan kiri barisan belakang) telah melawat ka-Padang Minyak Seria atas jemputan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria baru2 ini. Gambar ini di-ambil di-bangunan Shell Recreation Club, Seria pada masa lawatan tersebut. Gambar kiriman Awang Mashod Damit.

MALAM ANEKA HIBORAN P.G.M.P.P.

KUALA BELAIT. — Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait telah mempersiapkan Malam Aneka Hiboran bertempat di-Dewan Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait pada malam 20 Februari sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Berbagai2 acara telah di-persembahkan di-temasha tersebut, antara-nya ia-lah Nashid di-bawah pimpinan Abu Bakar Haji Paun, nyanyian2 suka-rami, tarian Zapin, Lawak Jenaka oleh Awang Lipong dan rakan2-nya, Akal Kilat dan lain2 acara.

Pancha Kirana Orkes di-bawah pimpinan Biduan Bujang Johari telah bermain di-temasha tersebut.

MASHUARAT AGONG P.M.K.T.

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong (P.M.K.T.) telah mengadakan Mashuarat Agong Ulang Tahun-nya bertempat di-Dewan persatuan tersebut baru2 ini dengan di-pengerusikan oleh Awang Junaidi bin O.K.S.N. Md. Safar.

Selain dari melantek Pegawai2 baru2 P.M.K.T. untuk tahun 1965, dan merundingkan berkenaan dengan lain2 perkara, persatuan tersebut telah juga melantek 9 orang sa-bagai Wakil2 persatuan itu ka-Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria dalam bulan Mei akan datang.

LUMBA BASIKAL ANJORAN P.G.G.M.B. BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Albert Khoo sa-orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berjaya menyandang gelaran sa-bagai Johan Perlumbaan Basikal Sa-chara Pantai sejauh 9 batu ia-itu dari Pasir Berakas ka-Jalan Kianggeh, dengan mengambil masa 19 minit, 3 sa'at, pada petang hari Ahad 28 Februari, 1965.

Perlumbaan Basikal tersebut telah di-adakan di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei sebagai menyambut Jubli Perak P.G.G.M.B. dan juga sa-bagai menyambut Pembukaan Rasmi Bangunan Guru2 Melayu Brunei dengan mendapat sambutan yang baik dan kalangan pelumba2 basikal tempatan.

Dengan kemenangan-nya itu, Albert Khoo telah juga di-berikan hadiah Perisai Rebutan yang besar sa-bagai Memperingati Sambutan Jubli Perak Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Gelaran Naib Johan dalam perlumbaan itu telah di-menangi oleh Ronnie Thomas dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Masa-nya ia-lah 22 minit, 21.4 sa'at. Chin Yin Wah juga dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mendapat gelaran yang ke-tiga dalam perlumbaan tersebut. Masa-nya ia-lah 22 minit, 27.3 sa'at.

Pemenang yang ke-empat ia-lah Bujang Amat dari Sharikat Borneo Berhad, di-turuti oleh Masni Husain dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Apung Laman dari Pejabat Perubatan dan lain2 pelumba.

Pesuroh Jaya Pulis Brunei, Awang S.J.W. Slater telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dan juga kapada semua pelumba2 yang mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal tersebut.